



### PBD 2.1 Ciri-ciri dan Kegunaan Carta Pai


1. Carta pai ialah sejenis gambar rajah untuk memaparkan pembahagian data dalam bentuk bulatan yang dibahagikan kepada beberapa sektor.
2. (a) (i) Setiap sektor mewakili maklumat tertentu  
(ii) Saiz sudut setiap sektor berdasarkan kuantiti maklumat  
(iii) Nilai setiap sektor dinyatakan dalam peratus  
(iv) Mempunyai tajuk dan petunjuk  
(v) Nilai keseluruhan bulatan ialah  $360^\circ$   
(b) (i) Mewakilkkan data kepada informasi yang lebih mudah  
(ii) Menunjukkan perbandingan data dengan lebih jelas  
(iii) Memudahkan rumusan dibuat  
(c) (i) jumlah penduduk Malaysia mengikut kaum  
(ii) sumbangan sektor ekonomi kepada KDNK negara  
(iii) destinasi eksport / import utama Malaysia

### PBD 2.2 Langkah-langkah Membina Carta Pai

3. (a) Eksport barangan Malaysia ke negara-negara ASEAN, Januari – Jun 2019

Negara	Eksport (RM bilion)	Peratus (%)	Saiz sudut sektor ( $^\circ$ )
Singapura	66	47	170
Thailand	29	21	75
Vietnam	17	12	44
Indonesia	14	10	36
Filipina	8	6	20
Negara-negara lain	6	4	15
<b>Jumlah</b>	<b>140</b>	<b>100</b>	<b>360</b>

(b)




### PBD 2.3 Mentafsir Carta Pai

4. (a) Carta pai menunjukkan barangan eksport terpilih bagi Negara X pada tahun 2015, iaitu getah, mineral, keluaran kilang, kelapa sawit dan kayu balak.
- (b)
- Jumlah keseluruhan nilai eksport ialah RM500 juta.
  - Getah mencatat nilai eksport yang tertinggi, iaitu 35 peratus (RM175 juta) daripada jumlah nilai eksport.
  - Manakala kayu balak mencatat nilai eksport yang terendah, iaitu 11 peratus (RM55 juta) daripada jumlah keseluruhan nilai eksport.
  - Perbezaan antara nilai eksport tertinggi dengan nilai eksport terendah ialah 24 peratus (RM120 juta).
  - Barangan eksport yang kedua terbesar ialah mineral, iaitu 25 peratus (RM 125 juta) dan ketiga terbesar ialah keluaran kilang, iaitu 15 peratus (RM75 juta) daripada jumlah keseluruhan nilai eksport, diikuti kelapa sawit sebanyak 14 peratus (RM70 juta).
- (d) Eksport utama Negara X adalah barangan berasaskan pertanian, iaitu getah dan kelapa sawit yang bernilai 49 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai eksport. Eksport lain termasuklah mineral, keluaran kilang dan kayu balak.
5. Aktiviti PAK-21

**Praktis Masteri 2**

**BAHAGIAN >>>B**

1. (a)



(8m)

Tajuk (1m)

Skala (1m)

Nilai peratus (1m)

Sudut sektor (6m)


Petunjuk (1m)

(Mak. 8 markah)

(b) Carta pai menunjukkan barangan import utama Negara X pada tahun 2019, iaitu jentera dan mesin kilang, kayu dan hasil keluaran kayu, petroleum mentah, gas asli cecair, bahan besi dan keluli serta getah asli. Jumlah keseluruhan nilai import ialah RM25 bilion. Jentera dan mesin kilang adalah barangan import yang paling utama, iaitu 35 peratus, manakala getah asli merupakan barangan import terendah, iaitu 5 peratus. (6m)  
(Terima mana-mana tafsiran yang berkenaan dengan carta pai)

- (c) F1 Menambah peluang pekerjaan. (1m)
- H1 Mewujudkan banyak peluang pekerjaan dalam aktiviti pengeluaran; pengangkutan, pemasaran dan pemprosesan. (1m)
- F2 Menjana sumber pendapatan / sumber pertukaran wang asing negara. (1m)
- H2 Hasil dan cukai eksport; cukai keuntungan syarikat atau pekilang dan cukai pendapatan pengusaha serta pekerja. (1m)
- F3 Mengembangkan sistem pengangkutan/perhubungan (1m)
- H3 Meningkatkan darjah ketersampaian (1m)

2. (a)



(8m)

Tajuk (1m)

Skala (1m)

Nilai peratus (1m)

Sudut sektor (6m)

Petunjuk (1m)

(Mak. 8 markah)

- (b) (i) Iklim Khatulistiwa yang panas dan lembap sepanjang tahun  
Min suhu tahunan yang tinggi, kira-kira 27°C  
Hujan yang banyak, melebihi 2 600 mm setahun  
Permintaan yang tinggi dari luar negara dan juga tempatan  
(6m)
- (ii) Memberikan lebih insentif kepada petani yang mengusahakan buah-buahan (pengurangan cukai).  
Pameran di luar negara untuk memperkenalkan buah-buahan tempatan kepada masyarakat luar.

Penanaman baka pokok buah-buahan yang berkualiti tinggi. (6m)

Terima jawapan murid yang sesuai

#### Fokus KBAT

1. Data dan maklumat dapat dipaparkan dengan lebih menarik dan terperinci. Selain itu, maklumat disusun dari nilai tertinggi ke nilai yang terendah. Hal ini memudahkan pemahaman dan perbandingan.
2. Pada pandangan saya, kedua-dua cara tersebut boleh digunakan. Setiap satu rajah mempunyai kelebihan tersendiri. Carta pai menggambarkan taburan dan menunjukkan kadar peratusan. Graf bar, paling mudah untuk memahami maklumat dan menunjukkan perbandingan menggunakan bar.

Terima jawapan murid yang sesuai